

KENYATAAN MEDIA**UNTUK SIARAN SEGERA****DRB-HICOM GABUNG ASET-ASET LOGISTIK**

SHAH ALAM, Khamis, 28 Julai 2016 - Dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) hari ini, pemegang saham DRB-HICOM telah meluluskan pelupusan keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS) kepada Pos Malaysia Berhad pada nilai RM749.35 juta melalui penerbitan 225,030,030 saham biasa baharu bernilai RM0.50 setiap satu dalam Pos Malaysia pada harga terbitan RM3.33 setiap saham Pos Malaysia.

Urus niaga ini dilihat sebagai langkah DRB-HICOM untuk mengukuhkan portfolio Kumpulan, dan juga untuk menyatukan semua perniagaan pos dan logistik di bawah naungan Pos Malaysia.

"Kumpulan melihat pertumbuhan industri logistik di Malaysia sebagai satu peluang yang harus diterokai dengan segera. Gabungan perniagaan antara Pos Malaysia dan KLAS akan mewujudkan pembekal logistik yang menyeluruh seperti pergudangan, pengangkutan, kurier, pelepasan kastam di pelabuhan dan lapangan terbang untuk menampung perniagaan domestik dan serantau," kata Pengurus DRB-HICOM Berhad, Brigadier Jeneral (K) Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj. Mohd Khamil Jamil semasa EGM. "Ini akan mengurangkan pergantungan semasa Kumpulan kepada sektor automotif dan harta tanah yang sangat kompetitif dan sangat sensitif kepada kitaran ekonomi," tambah Tan Sri Khamil. Pada masa ini, sumbangan perolehan kepada Kumpulan daripada sektor automotif dan harta tanah melebihi 80%. Dengan langkah ini, adalah dijangkakan pendapatan dari sektor perkhidmatan Kumpulan akan meningkat kepada kira-kira 50% dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pada masa ini, DRB-HICOM mempunyai kapasiti gabungan gudang seluas 1.78 juta kaki persegi. Di samping itu, pengambilalihan DRB-HICOM Asia Cargo Express Sdn Bhd (ACE) baru-baru ini juga menyediakan platform tambahan bagi melengkapkan penglibatan KLAS dalam ekosistem logistik; termasuklah logistik udara. ACE kini mengendalikan dua pesawat kargo Boeing 737-400, dan telah merancangan untuk menambah pesawat untuk menjadikannya kepada enam buah dalam tempoh lima tahun akan datang.

Tan Sri Dato' Sri Dr Hj Mohd Khamil menambah: "Kumpulan akan berada di kedudukan yang baik untuk menyediakan bukan sahaja perkhidmatan penghantaran dari mula hingga ke akhir, tetapi juga keperluan perantaraan untuk mewujudkan penyelesaian logistik bersepadu yang cekap, terutamanya dalam sektor e-dagang yang semakin berkembang pesat. Ini merupakan anjakan strategik oleh Pos Malaysia untuk menangani pengurangan perniagaan mel tradisional yang semakin ketinggalan untuk terus kekal relevan, sama juga seperti organisasi-organisasi pos besar di seluruh dunia".

Pada EGM ini juga, pemegang saham Kumpulan meluluskan pelupusan sebahagian daripada tanah industri pegangan bebas yang terletak di Seksyen 28, Shah Alam kepada Pos Malaysia untuk RM69 juta yang akan dipenuhi melalui penerbitan 20,720,721 saham baharu Pos Malaysia dengan harga isu RM3.33 sesaham. "Penjualan tanah ini akan membolehkan Pos Malaysia memperluaskan penawaran gudangnya untuk menjadi pemain logistik bersepadu sepenuhnya," tambah Tan Sri Khamil.

Sebaik selesai kedua-dua pelupusan, kepentingan ekuiti DRB-HICOM dalam Pos Malaysia akan meningkat daripada 32.2% kepada 53.5%, dan dengan itu menjadikan Pos Malaysia sebagai anak syarikat DRB-HICOM. Bagi tujuan yang sama, Pos Malaysia akan mengadakan EGM mereka untuk mendapatkan kelulusan daripada pemegang saham untuk urus niaga yang sama pada 18 Ogos 2016.

-tamat-

DRB-HICOM Berhad ("DRB-HICOM") is one of Malaysia's leading conglomerates with core businesses in the Automotive, Services and Property, Asset and Construction sectors. With more than 90 active companies in its stable and over 60,000 employees group-wide, DRB-HICOM's aim is to continue adding value and propelling the nation's development. In the Automotive sector, DRB-HICOM is involved in the manufacturing, assembly and distribution of passenger and commercial vehicles, including the national motorcycle. In Services, DRB-HICOM is involved in various businesses, including concession and financial-related services. In Property, Asset & Construction, DRB-HICOM is involved in residential and commercial developments.

For media enquiries, kindly contact:

Shaik Abbas Ibrahim
Head, Group Communications Division
DRB-HICOM Berhad
Tel: 03-2052 8007
shaik.abbas@drb-hicom.com

Yang Latiffa Ahmad Kamily
Group Communications Division
DRB-HICOM Berhad
Tel: 03-2052 8120
yanglatk@drb-hicom.com